

10/07/2001

Kadar tambang bas sekolah naik 10 peratus

Mohd Anwar Patho Rohman

PETALING JAYA, Isnin - Kadar tambang bas sekolah di seluruh negara akan dinaikkan sebanyak 10 peratus dan dijangka berkuat kuasa pertengahan bulan ini atau awal bulan depan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Donald Lim Siang Chai, berkata keputusan itu dibuat dua minggu lalu. Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut.

Sebelum ini, Persekutuan Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Malaysia (PPPBSM) meminta kenaikan tambang sekolah sehingga 25 peratus dengan alasan kos pembaikan naik, kenaikan harga petrol dan tayar.

Pada masa ini, tambang bas sekolah di kawasan bandar ialah RM16 bagi satu kilometer pertama dan RM1.20 bagi setiap kilometer tambahan. Kali terakhir tambang bas sekolah dinaikkan 10 peratus dan 15 peratus pada 1 April 1996.

Mengenai permintaan Penerbangan Malaysia (MAS) untuk menaikkan tambang penerbangan domestik sehingga 50 peratus, Lim berkata, perkara itu masih dikaji dan dijangka diumumkan selewat-lewatnya Oktober depan.

Katanya, MAS mahu menaikkan kadar tambang itu dengan alasan peningkatan kos yang terpaksa ditanggung termasuk kos operasi, bayaran gaji serta kenaikan harga minyak.

Beliau berkata, MAS juga mengemukakan alasan bahawa tambang domestik tidak naik sejak sembilan tahun lalu.

"Kementerian perlu mengkaji permintaan MAS kerana peratusan kenaikan tambang domestik itu dikhuatiri menjejaskan industri lain di negara ini," katanya kepada pemberita, hari ini.

Beliau bagaimanapun mengakui alasan MAS memang munasabah kerana kadar tambang domestik di negara jiran terutama Thailand dan Indonesia jauh lebih tinggi berbanding negara ini.

Difahamkan, kerajaan akan menetapkan kadar kenaikan tambang domestik MAS antara 20 hingga 30 peratus.

Bulan lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kenaikan kadar tambang domestik MAS adalah wajar kerana syarikat itu kini mengalami kerugian kerana terpaksa memberi subsidi tambang.

Sebelum ini, pengurusan baru MAS merangka pelan strategik memulihkan syarikat itu termasuk mengkaji kadar tambang domestik yang menjadi satu punca kerugian yang dihadapinya.

(END)